

lokal

INSIDEN LORI REMPUH 14 KENDERAAN

HM 22/9/23 p 10

Tingkat operasi kenderaan berat

Oleh Mohd Haris
Fadli Mohd Fadzil
harisfadli@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Bermula semalam, polis meningkatkan operasi penguatkuasaan terhadap kenderaan berat dan komersial di sekitar ibu negara bagi menjamin keselamatan orang ramai.

Ia susulan insiden lori yang merempuh 14 kenderaan lain di Persiaran Utara, Putrajaya kelmarin hingga mengorbankan dua penunggang motosikal.

Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Allaudeen Abdul Majid berkata, operasi penguatkuasaan akan ditumpukan di laluan keluar dan masuk ke ibu negara serta Putrajaya.

"Mulai hari ini (semalam) kita tingkatkan operasi ke atas kenderaan berat dan komersial, khususnya di samping operasi harian yang memang sudah dijalankan."

"Kita akan bekerjasama dengan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Jabatan Alam Sekitar (JAS).



ANTARA pengguna motosikal yang diambil tindakan ketika operasi dijalankan di hadapan bangunan KLCC. - Gambar NSTP/NABILA ADLINA AZAHARI



Kuala Lumpur di si-

"Operasi akan dipertingkatkan di laluan-laluan masuk kerana kemalangan semalam contohnya berlaku di laluan masuk dari Puchong; Selangor," katanya pada sidang media Op Hormat Undang-undang (HUU) Jalan Raya Polis Kuala Lumpur di si-

ni, semalam.

Dalam insiden di Kilometer 5.7 Jalan Persiaran Utara menghala Puchong itu, dua penunggang motosikal maut, manakala tujuh orang cedera termasuk anggota polis trafik selepas lori didakwa gagal memberhentikan kenderaanannya.

Sebelum kejadian, lalu lintas di kawasan itu dihentikan seketika dengan polis trafik melakukan latihan pengalihan trafik sebagai persiapan awal acara berbasikal antarabangsa, Le Tour de Langkawi (LTdL).

Pemandu treler satu tan yang membawa muatan batu berusia 25 tahun di-

tahan bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 41(1) Akta Pengangkutan Jalanan 1987.

Mengulas lanjut, Allaudeen menyifat kemalangan itu sebagai tragedi malang kerana aliran trafik ketika itu tenang dan anggota polis bertugas memberhentikan aliran trafik mengikut semua prosedur ditegapkan.

"Saya suka ingatkan kepada semua pemandu perlu bertanggungjawab di atas jalan raya dan sentiasa tumpukan perhatian."

"Ini kerana kalau ada sebahagian yang mengambil ringan (undang-undang) dengan bercakap di telefon semasa memandu dan se-

bagainya boleh akibatkan kemalangan.

"Malah penggunaan aplikasi navigasi pada telefon pintar boleh mengakibatkan kemalangan kerana dalam keadaan itu (melihat telefon) tindak balas kita menjadi lambat," katanya.

Beliau juga mengingatkan pemilik dan juga pemandu kendaraan berat serta komersial supaya memastikan kenderaan masing-masing berada dalam keadaan sesuai untuk dipandu di atas jalan raya.

Mengulas berkenaan perkembangan siasatan kes itu, Allaudeen berkata, pihaknya memohon perintah reman terhadap pemandu lori itu semalam, dan siasatan terperinci dijalankan bagi menentukan sama ada berlaku kerosakan teknikal atau kecuaian daripada pemandu.

"Dari segi teknikal, kita perlu tunggu laporan JPJ dan Pusat Pemeriksaan Kenderaan Bermotor (Puspakom), tapi kita percaya mungkin ada berlaku kecuaian."

"Apa pun kita perlu pastikan siasatan terperinci dijalankan sebelum dapat membuat kesimpulan mengenai punca sebenar kejadian," katanya.

Dalam insiden di Kilometer 5.7 Jalan Persiaran Utara menghala Puchong, dua penunggang motosikal maut, manakala tujuh orang cedera termasuk anggota polis trafik selepas lori didakwa gagal memberhentikan kenderaannya.